

# This Is Pahang' bakal rancakkan sektor pelancongan

[Asrol Awang](#) - Mac 18, 2021 @ 3:07pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail (kanan) menunjukkan isyarat bagus selepas menampal pekat 'This is Pahang' pada kenderaan selepas melancarkan tema baharu pelancongan Pahang di Kuantan. - Foto NSTP/Asrol Awang

KUANTAN: Pelancaran tema baharu pelancongan Pahang, 'This Is Pahang' diyakini berupaya merancakkan kembali sektor pelancongan di negeri itu yang terjejas teruk akibat COVID-19.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, berkata tema baharu itu juga akan membantu mempromosikan produk pelancongan baharu dan sedia ada yang terjejas susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Katanya, 'This Is Pahang' adalah satu permulaan dan seterusnya banyak lagi promosi produk pelancongan akan dilakukan selepas penularan COVID-19 berjaya diputuskan sepenuhnya.

"Kejatuhan drastik sektor pelancongan ini bukan sahaja berlaku di Malaysia, malah kepada industri pelancongan di seluruh dunia.

"Oleh itu, pemilihan tema baharu 'This Is Pahang' bagi menggantikan 'Pahang Simply Awesome' yang digunakan sejak 2019 sebagai suntikan semangat kepada pengusaha pelancongan untuk bangkit kembali," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan tema baharu pelancongan Pahang, 'This Is Pahang' di Kolej Universiti Yayasan Pahang (UCYP) di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perladangan dan Komoditi Pahang, Datuk Seri Mohd Sharkar Shamsudin; Naib Canselor UCYP, Prof Emeritus Datuk Dr Ahmad Zainuddin dan Pengurus Besar Tourism Pahang, Datuk Ishak Mokhtar.

Berdasarkan statistik seramai 7.43 juta pelancong berkunjung ke Pahang tahun lalu berbanding 13.99 juta pelancong pada 2019.

Katanya, jumlah itu menunjukkan penurunan 46.87 peratus dan tema baharu itu diharap membantu meningkatkan kembali kedatangan pelancong.

"Sebagai contoh, antara produk pelancongan baharu di Kuantan ialah Menara Kuantan 188 dan Kuantan Art Street," katanya.